

Tiga individu ditahan, polis rampas 142kg ketulan mampat ganja bergred tinggi

Sewa Vellfire RM500 angkut dadah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Kegiatan satu sindiket menggunakan kenderaan sewa jenis Toyota Vellfire untuk membawa dadah bagi mengaburi mata pihak berkuasa terbongkar baru-baru ini.

Dalam serbuan kira-kira pukul 2 petang, 31 Mei lalu itu, polis memberkas tiga individu berusia 29 hingga 49 tahun yang bertindak sebagai *transporter* dadah di tempat letak kenderaan sebuah pasar raya di Bangsar, Kuala Lumpur.

Polis merampas sebanyak 145 bungkusan ketulan mampat ganja gred tinggi seberat 142.1 kilogram (kg) bernilai RM355,250.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Selangor, Asisten Komisioner Ahmad Jeffery Abdullah berkata, tangkapan itu dibuat hasil kerjasama pihaknya dan JSJN Kuala Lumpur ke atas aktiviti sindiket yang aktif lebih empat bulan lalu.

"Sindiket dipercayai mendapat bekalan dari negara jiran di



AHMAD JEFFERI (tengah) menunjukkan ganja yang dirampas pada sidang akhbar di Shah Alam semalam.

utara Semenanjung untuk pasaran sekitar Lembah Klang.

"Semasa ditahan, dadah itu sudah dipindahkan dari kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota

Vellfire ke kereta jenis Proton Preve," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) di sini semalam.

Kosmo! difahamkan dadah

tersebut dibawa seorang *transporter* dengan MPV Toyota Vellfire yang disewa pada kadar RM500 sehari. Harga sekilogram ganja gred tinggi mencecah

RM4,000.

Jelas beliau, pihaknya turut merampas tiga buah kenderaan itu Proton Preve, Toyota Vellfire dan Proton Iswara dianggarkan bernilai RM138,000 yang digunakan oleh sindiket pengedaran dadah tersebut.

Siasatan mendapati, setiap *transporter* menerima upah RM2,500.

"Semakan mendapati, mereka mempunyai rekod berkaitan jenayah dan dadah. Dua daripada suspek positif methamphetamine dan tetrahydrocannabinol (THC)," ujarnya.

Ahmad Jeffery menambah, usaha mengesan dalang sindiket itu masih giat dilakukan.

"Ketiga-tiga suspek direman dan kertas siasatan dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya hari ini (semalam) untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Sekiranya terlepas ke pasaran, dadah itu boleh digunakan oleh seramai 142,100 penagih. Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.